

# Takaful Optimuz

---

## PRODUCT DISCLOSURE SHEET

(Please read this Product Disclosure Sheet before you decide to participate the Takaful Optimuz Certificate. Be sure to also read the general terms and conditions.)

Date: 1<sup>st</sup> January 2020

### 1. What is this product about?

This certificate provides you with comprehensive takaful protection that is specially designed to meet your business needs:

- Fire (Tariff)

#### Optional Sections as mentioned below:

- Fire Consequential Loss
- Equipment All Risks
- Burglary
- Money
- Fidelity Guarantee
- Plate Glass
- Public Liability
- Keyman Personal Accident

### 2. What are the applicable Shariah concepts?

- **Takaful:** It means an arrangement based on mutual assistance under which Takaful Participants agree to contribute to a common fund providing for mutual financial benefits payable to the Takaful Participants or their beneficiaries on the occurrence of pre-agreed events.
- **Wakalah:** It means agency contract where the Participant appoints the Takaful Operator to manage Takaful contributions by charging an agreed Wakalah Fee for their services.
- **Tabarru':** It is a contribution from the Participants to the General Risk Investment Account (GRIA) which the participants agree to relinquish all or a portion of their contribution to pay the Takaful benefits.
- **Hibah:** If there is a Surplus Sharing declared from the GRIA at the end of each financial year, 50% of the surplus will be shared with the eligible Participant based on the Hibah (gift) contract.
- **Conditional Hibah:** It is a conditional gift where the participant agrees to transfer his/her ownership of the Takaful benefits payable to the nominee(s) upon the death of the person covered based on the Conditional Hibah contract.
- **Ju'alah:** It is a commission (reward) for good performance in managing the GRIA where the Takaful Operator shall be entitled to an incentive equal to 50% of any surplus sharing from the GRIA after the end of each financial year.
- **Qard:** It shall mean an interest free loan; which provided by the Takaful Operator in the event of deficit in the General Risk Investment Account (GRIA).

### 3. What are the covers / benefits provided?

This certificate covers:

- **Fire**  
Loss or damage to your property covered relating to your trade/business described in the certificate schedule caused by fire or lightning or explosion of domestic boilers and gas used for domestic purposes only.

It can also be extended to cover the following perils by making an additional contribution:

aircraft, earthquake and volcanic eruption, storm, tempest, flood, explosion, impact damage, bursting or overflowing of water tanks apparatus or pipes, bush/lalang fire, subsidence & landslip, spontaneous combustion, riot strike & malicious damage, damage by falling trees or branches and objects therefrom, sprinkler leakage and electrical installations for manufacturing risks and workshops.

- **Fire Consequential Loss**  
Loss of profits, loss of revenue, loss of rental, 100% wages or salaries on payroll basis and increased cost of working due to business interruption arising from loss or damage to your property covered under the Fire Section due to fire and/or its selected perils.

- **Equipment All Risks**  
Loss or damage to your business plant and machinery including office equipments and forklifts within your premises arising from fire, theft, accidental damage and contingencies that are not specifically excluded in the certificate.
- **Burglary**  
Loss of stocks, equipment and contents due to theft, only if accompanied by forcible or violent breaking into or out of your premises by any person or persons other than your own employees or loss as a result of armed robbery or robbery with violence and damage to the premises as a result thereof.
- **Money**  
Loss of money during transit or loss of money kept in your premises and damage to your premises as a result of theft, armed robbery or forcible and violent entry into your premises violence and damage to the premises as a result thereof.
- **Fidelity Guarantee**  
Loss of monies and goods as a result of act of fraud or dishonesty of any of your employee. The act of fraud or dishonesty committed by your employee must have happened during the period of takaful and be discovered during the period of takaful and within six months thereafter, or within six months after the death, dismissal or retirement of your relevant employee, whichever event shall happen first.
- **Plate Glass**  
Any accidental damage that are not specifically excluded in the certificate to your fixed plate glass of every description including any writing, painting or ornamentation in your premises.
- **Public Liability**  
Your legal liability to pay compensation for third party accidental bodily injury or accidental damage to the third party property caused by or through your negligence or your employees.
- **Keyman Personal Accident**  
Your key person in the Company in the event of death and permanent disablement caused accidental means.

**4. How much contribution do I have to make?**

The total contribution that you have to make may vary depending on the sum covered, coverage required and the underwriting requirements of the Takaful Operator.

Please refer to our representatives directly for more information.

**5. What are the fees and charges that I have to make?**

The fees and charges that you will have to make are:

- |                   |  |
|-------------------|--|
| i. Wakalah Fees : | <ul style="list-style-type: none"> <li>1. Maximum 35.5% (fire / fire consequential loss section) of contribution RM_____</li> <li>Commission paid to the takaful agent – 15% of the contribution RM_____</li> <li>2. Management Expenses – 20.5% of the contribution RM_____</li> <li>Maximum 43% (non-fire section) of contribution RM_____</li> <li>3. Commission paid to the takaful agent – 25% of the contribution RM_____</li> <li>4. Management Expenses – 18% of the contribution RM_____</li> </ul> |
| ii. Tax* :        | 6% of the contribution made RM_____  |
| iii. Stamp Duty : | RM10.00  |

\*Tax - All contribution and fees shown in this document may be subject to tax or other government levies.

**6. What are some of the key terms and conditions that I should be aware of?**

- **Consumer Takaful Contract**

Pursuant to Paragraph 5 of Schedule 9 of the Islamic Financial Services Act 2013, if you are applying for this Takaful wholly for purposes unrelated to your trade, business or profession, you have a duty to take reasonable care not to make a misrepresentation in answering the questions in the Proposal Form (or when you apply for this Takaful). You must answer the questions fully and accurately.

Failure to take reasonable care in answering the questions may result in avoidance of your contract of Takaful, refusal or reduction of your claim(s), change of terms or termination of your contract of Takaful.

The above duty of disclosure shall continue until the time your contract of Takaful is entered into, varied or renewed with us.

In addition to answering the questions in the Proposal Form (or when you apply for this Takaful), you are required to disclose any other matter that you know to be relevant to our decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied.

You also have a duty to tell us immediately if at any time after your contract of Takaful has been entered into, varied or renewed with us any of the information given in the Proposal Form (or when you applied for this Takaful) is inaccurate or has changed.

• **Non-Consumer Takaful Contract**

Pursuant to Paragraph 4(1) of Schedule 9 of the Islamic Financial Services Act 2013, if you are applying for this Takaful for a purpose related to your trade, business or profession, you have a duty to disclose any matter that you know to be relevant to our decision in accepting the risks and determining the rates and terms to be applied and any matter a reasonable person in the circumstances could be expected to know to be relevant, otherwise it may result in avoidance of your contract of Takaful, refusal or reduction of your claim(s), change of terms or termination of your contract of Takaful.

The above duty of disclosure shall continue until the time your contract of Takaful is entered into, varied or renewed with us.

You also have a duty to tell us immediately if at any time after your contract of Takaful has been entered into, varied or renewed with us any of the information given in the Proposal Form (or when you applied for this Takaful) is inaccurate or has changed.

- You must ensure that your property is covered at the appropriate amount taking into account any additional property acquired.
- You should take all reasonable precautions to prevent theft incidents.
- Excess/deductible: It is the amount you must pay towards a claim before your Takaful Operator pays. The excess/ deductible amount will be stated on the certificate schedule or in the certificate wordings.
- Period of Takaful is one (1) year. You need to renew your takaful certificate annually.
- Contribution :
  - ✓ The contribution due must be made to Zurich General Takaful Malaysia Berhad within sixty (60) days from the inception date of the certificate, failing which the contract is automatically cancelled.
  - ✓ Contribution can be made by cash or cheques (cheques should be made payable only in the name of Zurich General Takaful Malaysia Berhad).

**Note: This list is non-exhaustive. Please refer to the certificate contract for the terms and conditions under this certificate.**

**7. What are the major exclusions under this certificate?**

- War, civil war and any act of terrorism
- Nuclear and radioactivity risks
- Property damage to data or software
- Cyber liability

**Note: This list is non-exhaustive. Please refer to the certificate contract for the full list of exclusions under this certificate.**

**8. Can I cancel my certificate?**

You may cancel your certificate by giving fourteen (14) days written notice to the Takaful Operator.

Upon cancellation, you are entitled for a return of the contribution based on short period calculation on the unexpired period of takaful subject to the minimum contribution to be retained by the Takaful Operator. No return of contribution will be allowed if there is a claim under the certificate.

**9. What I need to do if there are changes to my contact details?**

It is important that you inform us of any changes in your contact details to ensure that all correspondence reach you in a timely manner.

**10. Where can I get further information?**

For more information and assistance on Takaful Optimuz, please contact us at :

**Zurich General Takaful Malaysia Berhad**

Level 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia  
Tel: 03-2109 6000 Fax: 03-2109 6888 Call Centre: 1-300-888-622 E-mail: callcentre@zurich.com.my

**11. Other types of Combined Package takaful cover available:**

None.

**IMPORTANT NOTE:**

**YOU MUST ENSURE THAT YOUR PROPERTY IS COVERED AT THE APPROPRIATE AMOUNT. YOU SHOULD READ AND UNDERSTAND THE TAKAFUL CERTIFICATE AND DISCUSS WITH THE CONSULTANT OR CONTACT THE TAKAFUL OPERATOR DIRECTLY FOR MORE INFORMATION.**

In the event of discrepancy, ambiguity and conflict in interpreting any term or condition, the English version shall prevail and supersede the Bahasa Malaysia version.

**Zurich General Takaful Malaysia Berhad is licensed under the Islamic Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia.**

The information provided in this disclosure sheet is valid from 1st January 2020 until a revision is issued.

**Zurich General Takaful Malaysia Berhad**


Registration No. 201701045981 (1260157-U)

Level 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 03-2109 6000 Fax: 03-2109 6888 Call Centre: 1-300-888-622

[www.zurich.com.my](http://www.zurich.com.my)

---

ZURICH®  ZURICH® | The trademarks depicted are registered in the name of Zurich Insurance Company Ltd in many jurisdictions worldwide

  
**ZURICH®**  
TAKAFUL

# Takaful Optimuz

---

## LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai Sijil Takaful Optimuz. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.)

Tarikh: 1hb Januari 2020

### 1. Apakah yang ditawarkan oleh produk ini?

Sijil ini menawarkan perlindungan takaful komprehensif yang direka khas untuk memenuhi keperluan perniagaan anda:

- Kebakaran (Tarif)

#### Seksyen Pilihan seperti yang dinyatakan di bawah:

- Kerugian Akibat Kebakaran
- Risiko Semua Peralatan
- Pecah Masuk
- Wang
- Jaminan Kesetiaan
- Kepingan Kaca
- Liabiliti Awam
- Kemalangan Diri Pekerja Utama

### 2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

- **Takaful:** la bermaksud suatu persepakatan yang berdasarkan konsep saling bantu membantu di mana para Peserta Takaful saling bersetuju untuk memberi caruman kepada satu dana yang sama untuk menyediakan manfaat kewangan Bersama yang dibayar kepada Peserta Takaful atau waris-waris mereka apabila berlakunya peristiwa yang telah dipersetujui.
- **Wakalah:** la bermaksud kontrak perwakilan di mana Peserta melantik Pengendali Takaful untuk menguruskan caruman dengan mengenakan Yuran Wakalah untuk khidmat mereka.
- **Tabarru':** la adalah caruman daripada Peserta kepada Akaun Pelaburan Risiko Am (APRA) di mana Peserta bersetuju untuk melepaskan semua atau sebahagian daripada caruman tersebut untuk membayar manfaat-manfaat Takaful.
- **Hibah:** Sekiranya terdapat pengisytiharan Lebihan daripada APRA pada setiap akhir tahun kewangan, 50% daripada lebihan tersebut akan dikongsi dengan Peserta berdasarkan kontrak Hibah (Hadiah).
- **Hibah Bersyarat:** la adalah hadiah bersyarat di mana peserta bersetuju untuk memindahkan pemilikannya ke atas manfaat Takaful yang perlu dibayar kepada penama apabila kematian orang yang dilindungi berdasarkan kontrak Hibah Bersyarat.
- **Ju'alah:** la bermaksud komisen (ganjaran) bagi prestasi yang baik dalam menguruskan APRA di mana Pengendali Takaful akan menerima insentif bersamaan dengan 50% daripada perkongsian APRA pada akhir setiap tahun kewangan.
- **Qard:** la bermaksud pinjaman tanpa faedah yang disediakan oleh Pengendali Takaful jika berlakunya defisit Akaun Pelaburan Risiko Am (APRA).

### 3. Apakah perlindungan / manfaat yang diberikan?

Sijil ini memberi perlindungan untuk:

- **Kebakaran**  
Kehilangan atau kerosakan kepada harta anda yang dilindungi yang berkaitan dengan perdagangan/perniagaan anda seperti dinyatakan dalam jadual sijil yang disebabkan kebakaran atau kilat atau letupan dandang domestik dan gas yang digunakan untuk tujuan domestik sahaja.

la juga boleh diperluaskan untuk melindungi perkara bahaya berikut dengan caruman tambahan:

pesawat, gempa bumi dan letusan gunung berapi, ribut, ribut kencang, banjir, letupan, kerosakan akibat hentaman, alatan tangki air atau paip yang pecah atau melimpah, api belukar/ lalang, penenggelaman & gelinciran tanah, pembakaran secara spontan, mogok rusuhan & kerosakan akibat niat jahat, kerosakan akibat pokok atau dahan pokok dan objek daripadanya yang tumbang, kebocoran pemercik dan pemasangan elektrik untuk risiko dan bengkel perkilangan.

- **Kerugian Akibat Kebakaran**  
Kehilangan keuntungan, kehilangan pendapatan, kehilangan sewa, 100% upah atau gaji atas dasar gaji dan peningkatan kos kerja akibat gangguan perniagaan yang disebabkan kehilangan atau kerosakan harta yang dilindungi di bawah Seksyen Kebakaran akibat kebakaran dan/atau bencana yang dipilih.

- **Risiko Semua Peralatan**  
Kehilangan atau kerosakan kepada loji dan jentera perniagaan anda termasuk peralatan pejabat dan forklift yang berada dalam premis anda akibat kebakaran, kecurian, kerosakan yang tidak disengajakan dan tanggungan luar jangka yang tidak dikecualikan secara khusus di dalam sijil.
- **Pecah Masuk**  
Kehilangan barangan, peralatan dan isi kandungan disebabkan kecurian, hanya jika disertai dengan pecah masuk secara paksa atau ganas ke dalam atau keluar dari premis anda oleh sesiapa selain daripada pekerja anda atau kerugian akibat rompakan bersenjata atau rompakan ganas dan kerosakan kepada premis akibat daripadanya.
- **Wang**  
Kehilangan wang ketika dalam perjalanan atau kehilangan wang yang disimpan di dalam premis anda dan kerosakan kepada premis anda akibat kecurian, rompakan bersenjata atau pecah masuk secara paksa dan ganas ke dalam premis anda.
- **Jaminan Kesetiaan**  
Kehilangan wang dan barangan akibat perbuatan penipuan atau kecurangan mana-mana pekerja anda. Perbuatan penipuan atau kecurangan yang dilakukan oleh pekerja anda tersebut mesti berlaku dalam tempoh insurans dan ditemui dalam tempoh takaful dan sehingga enam bulan selepasnya, atau dalam tempoh enam bulan selepas kematian, pemecatan atau persaraan pekerja anda yang berkenaan, mengikut mana-mana keadaan yang berlaku dahulu.
- **Kepingan Kaca**  
Sebarang kerosakan yang tidak disengajakan yang tidak dikecualikan secara khusus di dalam sijil untuk setiap jenis kepingan kaca tetap anda termasuk sebarang tulisan, lukisan atau hiasan dalam premis anda.
- **Liabiliti Awam**  
Liabiliti anda dari segi undang-undang untuk membayar pampasan untuk kecederaan badan pihak ketiga yang tidak disengajakan atau kerosakan yang tidak disengajakan kepada harta pihak ketiga yang disebabkan atau melalui kecuaiannya anda atau pekerja anda.
- **Kemalangan Diri Pekerja Utama**  
Orang utama anda dalam Syarikat sekiranya berlaku kematian dan hilang upaya kekal akibat kemalangan.

#### 4. Berapakah caruman yang perlu saya buat?

Jumlah caruman yang anda perlu buat mungkin berbeza bergantung kepada jumlah dilindungi, perlindungan yang diperlukan dan pengunderaitan yang diminta oleh Pengendali Takaful.

Sila rujuk kepada wakil kami secara langsung untuk mendapatkan maklumat lanjut.

#### 5. Apakah yuran dan caj yang perlu saya buat?

Yuran dan caj yang anda perlu dibuat adalah:

- |                    |  |
|--------------------|--|
| i. Yuran Wakalah : | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Maksimum 35.5% (seksyen kebakaran /kerugian akibat kebakaran) daripada caruman RM_____<br/>Komisen yang dibayar kepada ejen takaful – 15% daripada caruman RM_____</li> <li>2. Perbelanjaan Pengurusan – 20.5% daripada RM_____<br/>Maksimum 43% (seksyen selain kebakaran) daripada caruman RM_____</li> <li>3. Komisen yang dibayar kepada ejen takaful – 25% daripada caruman RM_____</li> <li>4. Perbelanjaan Pengurusan – 18% daripada caruman RM_____<br/>6% daripada caruman yang dibuat RM_____</li> </ol> |
| ii. Cukai* :       |  |
| iii. Duti Setem :  | RM10.00  |

\***Cukai** - Semua caruman dan yuran yang ditunjukkan di dalam dokumen ini mungkin tertakluk kepada cukai dan lain-lain levi kerajaan.

#### 6. Apakah antara terma dan syarat penting yang saya patut ketahui?

- **Kontrak Takaful Pengguna**

Menurut Perenggan 5 Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon Takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon Takaful ini). Anda dikehendakimenjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.

Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful anda, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful anda.

Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga masa kontrak Takaful anda dibuat, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon takaful ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa memohon takaful ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

- **Kontrak Takaful Komersial**

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon Takaful ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda berkewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan dan apa-apa perkara yang munasabah yang boleh dijangka, jika tidak ia boleh menyebabkan pembatalan kontrak takaful, keengganan atau pengurangan ganti rugi, perubahan terma atau penamatan kontrak takaful anda.

Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga masa kontrak takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful anda ditandatangani, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa memohon untuk Takaful ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

- Anda mesti memastikan bahawa harta anda dilindungi pada jumlah yang sesuai dengan mengambil kira sebarang harta tambahan yang diperolehi.
- Anda perlu mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mencegah insiden kecurian.
- Lebihan/boleh ditolak: Ini adalah jumlah yang perlu anda bayar ke atas tuntutan sebelum Pengendali Takaful anda membayar. Amaun berlebihan / boleh ditolak akan dinyatakan pada jadual sijil atau dalam perakuan sijil.
- Tempoh Takaful adalah satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui sijil takaful anda setiap tahun.
- Caruman :
  - ✓ Caruman yang perlu dibuat kepada Zurich General Takaful Malaysia Berhad dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan sijil, yang mana kontraknya dibatalkan secara automatik.
  - ✓ Caruman boleh dibuat dengan wang tunai atau cek (cek hendaklah dibuat hanya atas nama Zurich General Takaful Malaysia Berhad).

***Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kontrak sijil bagi terma-terma dan syarat-syarat di bawah sijil ini.***

**7. Apakah pengecualian penting di bawah sijil ini?**

- Peperangan, perang saudara dan sebarang tindakan keganasan
- Risiko nuklear dan radioaktiviti
- Kerosakan harta kepada data atau perisian
- Liabiliti siber

***Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kontrak sijil untuk senarai penuh bagi pengecualian di bawah sijil ini.***

**8. Bolehkah saya membatalkan sijil saya?**

Anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberi notis secara bertulis kepada Pengendali Takaful.

Selepas pembatalan, anda layak mendapat balik caruman berdasarkan pengiraan tempoh singkat tempoh takaful yang belum luput tertakluk kepada caruman minimum yang ditentukan oleh Pengendali Takaful. Tiada caruman akan dibenarkan jika terdapat tuntutan di bawah sijil.

**9. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat pertukaran dalam butiran maklumat saya?**

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang pertukaran dalam butiran maklumat anda untuk memastikan semua surat sampai kepada anda tepat pada masanya.

**10. Dari manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Untuk maklumat dan bantuan lanjut mengenai Takaful Optimuz, sila hubungi kami di:

**Zurich General Takaful Malaysia Berhad**

Tingkat 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 03-2109 6000 Faks: 03-2109 6888 Pusat Panggilan: 1-300-888-622 E-mel: callcentre@zurich.com.my

11. Jenis Pakej Gabungan perlindungan takaful yang ditawarkan:

Tiada.

**NOTA PENTING:**

**ANDA HENDAKLAH MEMASTIKAN BAHAWA HARTA BENDA ANDA DILINDUNGI PADA JUMLAH YANG SEWAJARNYA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI SIJIL TAKAFUL DAN BERBINCANG DENGAN PERUNDING ATAU HUBUNGI PENGENDALI TAKAFUL SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Sekiranya terdapat kekeliruan, kekaburan dan konflik dalam pentafsiran mana-mana terma atau syarat, versi Bahasa Inggeris adalah terpakai dan mengatasi versi Bahasa Malaysia.

**Zurich General Takaful Malaysia Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.**

Maklumat yang disediakan di dalam lembaran pendedahan ini sah dari 1hb Januari 2020 sehingga pindaan dibuat.

**Zurich General Takaful Malaysia Berhad**



No. Pendaftaran 201701045981 (1260157-U)

Tingkat 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 03-2109 6000 Fax: 03-2109 6888 Pusat Panggilan: 1-300-888-622

[www.zurich.com.my](http://www.zurich.com.my)

---

ZURICH  ZURICH  Cap dagangan dipaparkan adalah didaftarkan di bawah nama  
Zurich Insurance Company Ltd di pelbagai bidang kuasa di seluruh dunia

  
**ZURICH**<sup>®</sup>  
TAKAFUL